

	MIA'S PDP NOTICES – VISITORS, VENDORS AND BUSINESS PARTNERS	POLICY NO.	MIA - PDP - P03
		REV.	0
		REV. DATE	15 JAN 2019
		PAGE	1 of 13

Personal Data Protection Act 2010 Notice

To : Our Visitors, Vendors and Business Partners

With the Personal Data Protection Act 2010 enforced on 15 November 2013, we are taking steps to ensure that we are in compliance with this new Act and that all personal data relating to whoever we are dealing with in the company inclusive of any Visitors, Suppliers, Vendors, Principals, Customers, their employees, their Directors and Shareholders is processed in accordance with the law.

Malaysian Institute of Art ("MIA"), ("we" or "us") respects and is committed to the protection of your personal information and your privacy. This Personal Data Protection Notice ("PDP Notice"), prepared in accordance with the Personal Data Protection Act 2010 (the "Act"), sets out our personal data protection practices that are put in place to protect the personal data of visitors, individuals and Business Partners whom we deal with.

Malaysian Institute of Art would like to thank you for providing your Personal Data to us through current or earlier dealings. By providing your Personal Information to us, you are consenting to this Personal Data Protection Notice and the collection, use, access, transfer, storage and processing of your personal information as described in this PDP Notice. Your Personal Data will continue to be used and processed by us in accordance with our Personal Data Protection ("PDP") Policy.

Malaysian Institute of Art asks you to read this PDP Notice carefully as it contains important information about how we will use and process the Personal Data provided by you. Please note that this Notice only applies to Personal Data processed in respect of commercial transactions as defined in the PDPA. By publishing this notice on the MIA's website (www.mia.edu.my), we shall deem our Visitors, Vendors and Business Partners have already been notified.

DEFINITIONS

For the purpose of this document, unless the context otherwise requires:

"MIA"	Means Malaysian Institute of Art (Company No. 535370-K), a company registered at Unit C-6-5, Block C, 6 th Floor, Megan Avenue 11, No. 12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur with the business operation located at the following addresses: <ul style="list-style-type: none"> i. 294 – 299, Jalan Bandar 11, Taman Melawati, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia ii. 213, Jalan Negara 2, Taman Melawati, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia iii. No. 70, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur
"MIA Group"	Means Malaysian Institute of Art (Company No. 535370-K), a company registered at Unit C-6-5, Block C, 6 th Floor, Megan Avenue 11, No. 12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur and associate companies and affiliates.
"Affiliates"	Means Malaysian Institute of Art ("MIA") and/or related companies, including their related companies.
"Personal data"	Means about you/your, related to you/your or affecting you/your, as defined herein.
"We / Our / Us"	Means Malaysian Institute of Art.
"You / Your"	Means the addressee of this notice.
"Business Partners"	Suppliers, Vendors, Principals and providers of goods and/or services, dealer(s), authorised service partner(s), their employees, Directors and Shareholders.

	MIA'S PDP NOTICES – VISITORS, VENDORS AND BUSINESS PARTNERS	POLICY NO.	MIA - PDP - P03
		REV.	0
		REV. DATE	15 JAN 2019
		PAGE	2 of 13

“Individuals”	Any individual dealing on behalf of any company and guest visiting Malaysian Institute of Art offices.
“Customers”	Any individual or entity that purchases our products or services.
“Visitors”	Any individual or entity that enters the premises of Malaysian Institute of Art. This includes individual or entity that is surfing or browsing Malaysian Institute of Art’s website or social media platforms.

1. INFORMATION COLLECTED

- 1.1 In the course of your dealings with us, we will request that you provide certain personal data elements to enable us to enter into transactions with you or to deliver the necessary goods, services and/or communications in connection with such transactions. These are necessary for our business process execution, including managing enquiries, delivery of notices, services and/or products, customer or business partner and/or third party vendor relationship management, new product launches and events, planning purposes in connection with future products, including promotional events with our Affiliates and business partners. We do not collect any Personal Data or personally identifiable information unless you choose to provide that information to us.
- 1.2 This Privacy Statement describes how Malaysian Institute of Art protects your privacy when we collect personal information from this notice and how such information may be used or applied. As used in this Privacy Statement, the term “personal information”, “personal data” or “Data” signifies information that identifies you personally, alone or in combination with other information available to us and has the same meaning as set out in the Personal Data Protection Act 2010 or any amended version or equivalent thereof. Personal Data shall have the meaning prescribed in the PDPA and may include but not limited to, your name, address, contact details, email address, identification card number or passport number, resume, details of birth, gender, company name and job details.
- 1.3 Your Personal Data is collected from various sources including but not limited to:
- a) Upon registration as Malaysian Institute of Art Visitors, Customers, Suppliers, Business Partners, Bankers, Professional Consultant or Trainers, and/or
 - b) Upon fill-up Malaysian Institute of Art’s visitor enquiry form, programme enquiry form, feedback form, complaint form and any other forms that submit to Malaysian Institute of Art, and/or
 - c) Upon your submission of price quotation and business contract (e.g: PO and agreement) as Malaysian Institute of Art’s Customers, Suppliers, or Business Partner, and/or
 - d) During registration to enter or exit our business premises (e.g: Security Registration System, Visitor Pass), and/or
 - e) Surfing or browsing of Malaysian Institute of Art’s website or social media platforms, and/or
 - f) Upon your input via Malaysian Institute of Art’s website, apps or kiosks (enquiry form and feedback form, Contest forms and Promotions), and/or
 - g) CCTV or camera visual recordings when you visit our office premises or participate in any of our events, and/or
 - h) Communications with us (for example when you contact us for any enquiries, including by calling us), and/or
 - i) Provide feedback to us (for e.g. via our websites or in hard or soft copy).

	MIA'S PDP NOTICES – VISITORS, VENDORS AND BUSINESS PARTNERS	POLICY NO.	MIA - PDP - P03
		REV.	0
		REV. DATE	15 JAN 2019
		PAGE	3 of 13

2. PURPOSE OF COLLECTION OF PERSONAL DATA

2.1 The purpose for which personal data is collected and further processed by Malaysian Institute of Art depends on the nature of your relationship with us and/or our affiliates. Your personal data may be used for the following purposes ("Purposes"), but not exhaustive nor limited to:-

- a) to process your registration as Malaysian Institute of Art's Visitor, Customer, Supplier, Business Partner, Consultant, Professional Service Provider or other business relationship;
- b) to monitor access to our business premises for security and record purposes;
- c) monitoring compliance and adherence with our internal rules and policies;
- d) for purpose of payments, claims or penalty;
- e) health and safety, administration and monitoring purpose;
- f) to communicate with you;
- g) to keep as security record or transaction history;
- h) making such disclosures as required by law or authority;
- i) making such disclosures as required by Malaysian Institute of Art's customers and vendors for business purposes;
- j) for other purposes required to operate, maintain and better manage our business and your relationship with us;
- k) for any other purposes that are incidental or ancillary or in furtherance to the above purposes which are not specifically mentioned herein.

(hereinafter referred to as "Purposes")

Notwithstanding the above, we may process your Personal Data without your consent if it is permitted under the PDPA or any other relevant legislation.

2.2 In order to process your Personal Data, for the above stated Purposes your consent is required. It is not mandatory for you to provide your personal information to us. However, if you volunteer such information, you will be consenting to our processing it for the Purposes stated above.

2.3 Failure to supply personal data

The failure to supply such personal data as may be needed may:

- a) Result in us being unable to provide you with the notices, services and/or products requested;
- b) Affect our ability to effect the necessary processes relating to the supply of our products and/or services;
- c) Result in us being unable to update you on our latest products, services, promotions, events and/or launches; and/or
- d) Result in us being unable to allow you to enter the premises of Malaysian Institute of Art.

	MIA'S PDP NOTICES – VISITORS, VENDORS AND BUSINESS PARTNERS	POLICY NO.	MIA - PDP - P03
		REV.	0
		REV. DATE	15 JAN 2019
		PAGE	4 of 13

3. DISCLOSURE

3.1 We do not disclose your Personal Data to unauthorized third parties without your consent.

The authorized parties are but not limited to:

- Malaysian Institute of Art's Parent Company and its affiliates and/or organisations that act as our agents, contractors and/or service providers;
- Our Business Partners and Affiliates for purposes that are related to the collecting and using your personal information for evaluating credit ratings and collecting overdue invoices.
- Other parties in respect of whom you have previously given your express consent;
- Our financial institution, auditors, consultants, accountants, lawyers or other professional advisers; and/or
- Companies and/or organisations that assist us in processing and/or otherwise fulfilling transactions and providing you with products and/or services that you have requested.

However, we may disclose your personal data if required to do so by law or in good faith, if such action is necessary to comply with any law enforcement agency requirements, court order or legal processes.

4. SECURITY OF YOUR PERSONAL DATA

- 4.1 Malaysian Institute of Art protects your Personal Data by ensuring we have sufficient security measures in place and shall ensure that your Personal Data is stored and handled in such a way as to prevent any unauthorized disclosure.
- 4.2 Malaysian Institute of Art shall take all reasonable action to prevent unauthorised use, access or disclosure and to protect the confidentiality of your Personal Data in connection with the purpose for which the Personal Data, has been disclosed to, or has been collected by us.
- 4.3 Malaysian Institute of Art secures your Personal Data from unauthorized access, use or disclosure. Malaysian Institute of Art secures the identifiable personal data you provide on computer servers in a controlled, secure environment, protected from unauthorized access, use or disclosure.
- 4.4 All Personal Data are used purely for the above mentioned Purposes and are only accessible to authorised personnel.
- 4.5 The transmission of information via the internet is not completely secure. Although we will do our best to protect your Data, we cannot guarantee the security of your Data transmitted to our Site. Any transmission of Data is at your own risk. Once we receive your Data, we use appropriate security measures to seek to prevent unauthorised access.

5. IMPACT OF NON PROVISION OF PERSONAL DATA

- 5.1 Please note that the failure to supply such Personal Data sufficiently [read together with paragraph 2.3 above] will / may result in Malaysian Institute of Art:-
- being unable to establish, continue to accept or retain you as a Visitor, Customer, Business Partners and/or other relationship with you, as it could adversely affect our operations and/or obligations.

	MIA'S PDP NOTICES – VISITORS, VENDORS AND BUSINESS PARTNERS	POLICY NO.	MIA - PDP - P03
		REV.	0
		REV. DATE	15 JAN 2019
		PAGE	5 of 13

- being unable to process and/or disclose your personal data in relation to the said Purposes.

6. DATA TRANSFER AND SHARING

Where we consider it necessary or appropriate for the purposes of data storage or processing or providing any service or product on our behalf to you, we may transfer your personal data to another Affiliate and/or business partners within or outside Malaysia, under conditions of confidentiality and similar levels of security safeguards.

7. ACCESS OR UPDATE YOUR PERSONAL DATA

- 7.1 Under the PDPA, you have the right of access to your Personal Data held by us and to request correction of your Personal Data that is inaccurate, incomplete, misleading or not up-to-date.
- 7.2 Any request of access or to correct personal information will be subject to applicable provisions in the PDPA. Malaysian Institute of Art reserves the right to decline requests which jeopardize the security and privacy of the personal information of others as well as requests which are impractical or not made in good faith.

8. CONTACT US FOR YOUR PERSONAL DATA

- 8.1 If you have any questions regarding this PDP Notice or if you wish to request access to your Personal Data or if you wish to correct your Personal Data or if you wish to withdraw your consent to the company for the processing of your Personal Data for the Purposes set out as above, you may send your request in writing at the following address:

Personal Data Officer
 Malaysian Institute of Art
 294-299, Jalan Bandar 11,
 Taman Melawati,
 53100 Kuala Lumpur,
 Malaysia

Tel : +603-41088100 ext. 11
 Email Address : pdpa@mia.edu.my

We will use reasonable efforts to comply with your request within 21 days of receiving your written request and the relevant processing fee.

Please note that in certain situations we may have to withhold access to your personal data, for example where we are unable to confirm your identity or where information requested for is of a confidential commercial nature or in the event we receive repeated request for the same information. Nevertheless, we will notify you of the reasons for not being able to accede to your request.

9. CHANGES TO PERSONAL DATA PROTECTION POLICY

- 9.1 We reserve the right to amend our PDP Policy from time to time without prior notice to reflect changes in the law, changes in our business practices, procedures and structure, and changing privacy expectations of the public. We will notify you of any such amendments via our website. In the event we need to process your Personal Data for a purpose other than that permitted as above, we will seek your consent for the same.

	MIA'S PDP NOTICES – VISITORS, VENDORS AND BUSINESS PARTNERS	POLICY NO.	MIA - PDP - P03
		REV.	0
		REV. DATE	15 JAN 2019
		PAGE	6 of 13

10. DATA RETENTION

10.1 Malaysian Institute of Art ensures that the collected Personal Data is retained only for so long as the information is necessary for the purposes for which the Personal Data collected continues. The Personal Data shall be destroyed or permanently deleted, where possible, after the Purpose is served or until that Data Subject requests that the information be deleted unless it's further retention is required to satisfy a longer retention period to meet the operational, legal, regulatory, tax or accounting requirements of Malaysian Institute of Art.

Yours Sincerely,

Chief Executive Officer

NB: If there is any conflict between the English and Bahasa Malaysia version of this Notice, the English version shall prevail.

If we do not receive any response from you within fourteen (14) days of this Notice, we shall presume that you have approved of our continued use of your personal data in accordance with this Notice. However, please be rest assured that you will be able to terminate this approval at any time.

	MIA'S PDP NOTICES – VISITORS, VENDORS AND BUSINESS PARTNERS	POLICY NO.	MIA - PDP - P03
		REV.	0
		REV. DATE	15 JAN 2019
		PAGE	7 of 13

(Bahasa Version)

Notis Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

Kepada: Pelawat, Vendor dan Rakan Kongsi Perniagaan Kami

Dengan berkuat kuasanya Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010 pada 15 November 2013, kami mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa kami mematuhi Akta baru ini dan bahawa semua data peribadi berhubung dengan sesiapa sahaja yang kami berurusan dalam syarikat termasuk mana-mana Pelawat, Pembekal, Vendor, Prinsipal, Pelanggan, kakitangan mereka, para Pengarah dan Pemegang-pemegang Saham mereka diproses mengikut undang-undang.

Institut Seni Lukis Malaysia ("MIA"), ("kami") menghormati dan komited dalam melindungi maklumat peribadi dan hak privasi anda. Notis Perlindungan Data Peribadi ("Notis PDP") ini, disediakan selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta"), membentangkan amalan perlindungan data peribadi kami yang disediakan untuk melindungi data peribadi pelawat, individu, dan Rakan Kongsi Perniagaan yang berurusan dengan kami.

Institut Seni Lukis Malaysia ingin mengucapkan terima kasih kerana memberikan kami Data Peribadi anda melalui urus niaga semasa atau terdahulu. Dengan memberikan maklumat peribadi anda kepada kami, anda bersetuju dengan Notis Perlindungan Data Peribadi ini dan pengumpulan, penggunaan, akses, pemindahan, penyimpanan dan pemprosesan maklumat peribadi anda seperti yang dinyatakan dalam Notis PDP ini. Data Peribadi anda akan digunakan dan diproses oleh kami mengikut Dasar Perlindungan Data Peribadi ("PDP") kami.

Institut Seni Lukis Malaysia meminta anda untuk membaca Notis PDP ini dengan teliti kerana ia mengandungi maklumat penting tentang bagaimana kami akan menggunakan dan memproses Data Peribadi yang diberikan oleh anda. Sila ambil perhatian bahawa Notis ini hanya terpakai kepada Data Peribadi yang diproses berkenaan dengan urus niaga komersial sebagaimana yang ditakrifkan dalam PDPA. Dengan mempamerkan notis ini di laman web Institut Seni Lukis Malaysia (www.mia.edu.my), para pelawat, vendor dan rakan kongsi perniagaan dianggap telah sedia maklum dengan notis Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 kami.

DEFINISI

Untuk tujuan dokumen ini, melainkan konteks memerlukan sebaliknya:

"MIA"	bermaksud Institut Seni Lukis Malaysia atau dikenali sebagai Malaysian Institute of Art (Nombor pendaftaran syarikat. 535370-K), sebuah syarikat yang berdaftar di Unit C-6-5, Block C, 6 th Floor, Megan Avenue 11, No. 12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur dengan operasi syarikat di alamat seperti berikut: iv. 294 – 299, Jalan Bandar 11, Taman Melawati, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia v. 213, Jalan Negara 2, Taman Melawati, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia vi. No. 70, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur
"Kumpulan MIA"	bermaksud Institut Seni Lukis Malaysia (Nombor pendaftaran syarikat. 535370-K), sebuah syarikat yang berdaftar di Unit C-6-5, Block C, 6 th Floor, Megan Avenue 11, No. 12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur dan syarikat bersekutu dan sekutu.
"Gabungan"	bermaksud Institut Seni Lukis Malaysia ("MIA") dan/atau syarikat-syarikat berkaitan, termasuk syarikat-syarikat berkaitan mereka;

	MIA'S PDP NOTICES – VISITORS, VENDORS AND BUSINESS PARTNERS	POLICY NO.	MIA - PDP - P03
		REV.	0
		REV. DATE	15 JAN 2019
		PAGE	8 of 13

“Affiliates”	bermaksud Institut Seni Lukis Malaysia (“MIA”) dan/atau syarikat-syarikat yang berkaitan, termasuk syarikat-syarikat bersekutu mereka.
“Data peribadi”	bermaksud data mengenai anda, berkaitan dengan anda atau yang melibatkan anda, sebagaimana ditakrifkan dalam Notis ini.
“Kami”	bermaksud Institut Seni Lukis Malaysia.
“Anda”	bermaksud penerima notis ini.
“Rakan Perniagaan”	Vendor, Prinsipal dan pembekal barangan dan/atau perkhidmatan, wakil (wakil-wakil) penjual, rakan (rakan-rakan) perkhidmatan dibenarkan, kakitangan, para Pengarah dan Pemegang-pemegang Saham mereka.
“Individu”	Mana-mana individu yang mengurus niaga bagi pihak mana-mana syarikat dan tetamu yang melawat pejabat Institut Seni Lukis Malaysia.
“Pelanggan-pelanggan”	Mana-mana individu atau entiti yang membeli produk dan perkhidmatan kami.
“Pelawat”	Mana-mana individu atau entiti yang melawat premis Institut Seni Lukis Malaysia. Ini termasuk mana-mana individu atau entiti yang melayari laman sesawang atau platform sosial media Institute Seni Lukis Malaysia.

1. PENGUMPULAN MAKLUMAT

- 1.1 Dalam proses urus niaga anda dengan kami, kami akan meminta anda agar menyediakan elemen data peribadi anda yang tertentu untuk membolehkan kami berurusan dengan anda, memasuki urus niaga dengan anda atau untuk menghantar barang-barang, perkhidmatan yang perlu dan / atau komunikasi berkaitan dengan urus niaga tersebut. Ini adalah perlu bagi pelaksanaan proses perniagaan kami, termasuk penyerahan notis, perkhidmatan dan / atau produk, pelanggan atau rakan perniagaan dan / atau pengurusan hubungan vendor pihak ketiga, pelancaran produk baru dan acara, tujuan perancangan berkaitan dengan produk-produk masa depan, termasuk acara promosi dengan Syarikat Gabungan dan rakan kongsi perniagaan kami. Kami tidak mengumpul apa-apa Data Peribadi atau maklumat yang boleh dikenal pasti secara peribadi melainkan jika anda memilih untuk memberikan maklumat tersebut kepada kami.
- 1.2 Kenyataan Privasi ini menerangkan bagaimana Institut Seni Lukis Malaysia melindungi privasi anda apabila kami mengumpul maklumat peribadi daripada notis ini dan bagaimana maklumat tersebut digunakan atau dipakai. Sebagaimana dinyatakan dalam Kenyataan Privasi ini, terma "maklumat peribadi", "data peribadi" atau "Data" menandakan maklumat yang boleh mengenal pasti diri anda / perseorangan atau dalam gabungan maklumat lain yang ada pada kami dan mempunyai maksud yang sama seperti yang dinyatakan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 atau mana-mana versi yang dipinda atau bersamaan dengannya. Maksud Data Peribadi adalah seperti yang ditetapkan dalam PDPA dan mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada, nama, alamat, butir-butir nombor untuk dihubungi, alamat e-mel, nombor kad pengenalan atau nombor pasport, resume, butir-butir kelahiran, jantina, nama syarikat dan butir-butir pekerjaan.

	MIA'S PDP NOTICES – VISITORS, VENDORS AND BUSINESS PARTNERS	POLICY NO.	MIA - PDP - P03
		REV.	0
		REV. DATE	15 JAN 2019
		PAGE	9 of 13

- 1.3 Data Peribadi anda dikumpulkan daripada pelbagai sumber termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- a) Semasa pendaftaran sebagai Pelawat, Pelanggan, Pembekal, Rakan Kongsi Perniagaan, Jurubank. Perunding Profesional atau Jurulatih Institut Seni Lukis Malaysia, dan/atau
 - b) Semasa pengisian borang-borang seperti borang pelawat, borang pertanyaan program, borang maklumbalas, borang aduan atau sebarang borang yang dikemukakan untuk Institut Seni Lukis Malaysia, dan/atau
 - c) Semasa pengemukaan sebut harga dan kontrak perniagaan anda (cth: PO dan perjanjian) sebagai Pelanggan, Pembekal, atau Rakan Kongsi Perniagaan Institut Seni Lukis Malaysia, dan/atau
 - d) Semasa pendaftaran untuk masuk atau keluar daripada premis perniagaan kami (cth: Sistem Pendaftaran Keselamatan, ConWork, DO dan Senarai Vendor Keselamatan yang Diluluskan, Pas Pintu Pagar) dan/atau
 - e) Semasa melayari laman sesawang atau platform sosial media Institut Seni Lukis Malaysia.
 - f) Input anda melalui laman web, aplikasi atau kiosk Institut Seni Lukis Malaysia (borang pertanyaan dan borang maklum balas, borang Peraduan dan Promosi).
 - g) CCTV atau rakaman visual kamera apabila anda melawat premis pejabat kami atau mengambil bahagian dalam mana-mana acara kami.
 - h) Berkomunikasi dengan kami (sebagai contoh apabila anda menghubungi kami bagi apa-apa pertanyaan, termasuk dengan menelefon kami).
 - i) Memberi maklum balas kepada kami (sebagai contoh melalui laman web kami atau dalam salinan fizikal atau “soft copy”).

2. TUJUAN PENGUMPULAN DATA PERIBADI

- 2.1 Tujuan data peribadi anda dikumpul dan seterusnya diproses oleh Institut Seni Lukis Malaysia bergantung kepada jenis perhubungan anda dengan kami dan/atau syarikat gabungan kami. Data peribadi anda mungkin akan digunakan untuk tujuan yang berikut (“Tujuan-tujuan”), tetapi tidak menyeluruh mahu pun terhad kepada:-
- a) untuk memproses pendaftaran anda sebagai Pelanggan, Pembekal, Rakan Kongsi Perniagaan, Perunding, Penyedia Perkhidmatan Profesional atau lain-lain perhubungan perniagaan Institut Seni Lukis Malaysia,
 - b) untuk mengawasi akses kepada premis perniagaan kami untuk tujuan keselamatan dan rekod,
 - c) mengawasi atau memantau pematuhan selaras dengan dasar, peraturan dan polisi kami,
 - d) untuk tujuan bayaran, tuntutan atau penalti,
 - e) tujuan kesihatan dan keselamatan, pentadbiran dan pengawasan,
 - f) untuk berkomunikasi dengan anda,
 - g) sebagai rekod keselamatan atau rekod transaksi,
 - h) membuat pendedahan tertentu sebagaimana diperlukan oleh undang-undang atau pihak berkuasa,
 - i) membuat pendedahan tertentu sebagaimana diperlukan oleh pelanggan dan vendor Institut Seni Lukis Malaysia untuk tujuan perniagaan,

- j) untuk tujuan-tujuan lain yang diperlukan untuk mengendali, menyelenggara dan mengurus dengan baik perniagaan kami dan perhubungan anda dengan kami
- k) untuk mana-mana tujuan lain yang adalah sampingan atau tambahan atau untuk menyempurnakan tujuan-tujuan di atas yang tidak secara khusus yang disebut dalam ini.

(semua di atas dirujuk sebagai "Tujuan-tujuan")

Tanpa mengambil kira yang di atas, kami mungkin memproses Data Peribadi anda tanpa kebenaran anda sekiranya ia dibenarkan di bawah PDPA atau mana-mana perundangan lain yang berkenaan.

2.2 Untuk memproses Data Peribadi anda, bagi Tujuan-tujuan dinyatakan di atas kebenaran anda adalah diperlukan / Kebenaran daripada anda adalah diperlukan agar kami dapat memproses Data Peribadi anda bagi Tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas. Ia bukan mandatori untuk anda memberikan maklumat peribadi anda kepada kami. Walau bagaimanapun, sekiranya anda memberi maklumat secara sukarela, anda adalah bersetuju dengan pemprosesan maklumat bagi Tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas.

2.3 Kegagalan untuk membekalkan data peribadi

Kegagalan untuk membekalkan data peribadi tersebut sebagaimana yang diperlukan akan:

- e) mengakibatkan kami tidak dapat memberikan anda notis, perkhidmatan dan/atau produk-produk yang diminta;
- f) menjejaskan keupayaan kami untuk melaksanakan proses-proses yang berkaitan dengan pembekalan produk dan/atau perkhidmatan kami; dan/atau
- g) mengakibatkan kami tidak dapat memaklumkan kepada anda maklumat terkini mengenai produk, perkhidmatan, promosi, peristiwa dan/atau pelancaran terbaru kami;
- h) menghalang kami dari membenarkan anda memasuki premis Institut Seni Lukis Malaysia.

3. PENDEDAHAN

3.1 Kami tidak mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak ketiga yang tidak dibenarkan tanpa persetujuan anda.

Pihak-pihak yang dibenarkan adalah tetapi tidak terhad kepada:

- Syarikat Induk Institut Seni Lukis Malaysia dan syarikat gabungannya dan/atau organisasinya yang bertindak sebagai ejen, kontraktor dan/atau penyedia perkhidmatan kami;
- Rakan Kongsi Perniagaan dan Syarikat Gabungan kami untuk tujuan yang berkaitan dengan pengumpulan dan penggunaan maklumat peribadi untuk menilai penarafan kredit dan pengutipan invois-invois yang tertunggak.
- Mana-mana pihak yang terdahulu yang anda pernah berikan kebenaran;
- Institusi kewangan, juruaudit, perunding, akauntan, peguam, atau lain-lain penasihat profesional kami; dan/atau
- Syarikat-syarikat dan/atau organisasi-organisasi yang membantu kami dalam memproses dan/atau sebaliknya melaksanakan urusan niaga dan menyediakan produk-produk dan/atau perkhidmatan yang anda pohon.

Walaupun bagaimanapun, kami mungkin akan mendedahkan data peribadi anda jika dikehendaki berbuat demikian oleh undang-undang atau atas budi bicara, sekiranya

	MIA'S PDP NOTICES – VISITORS, VENDORS AND BUSINESS PARTNERS	POLICY NO.	MIA - PDP - P03
		REV.	0
		REV. DATE	15 JAN 2019
		PAGE	11 of 13

tindakan tersebut adalah perlu bagi mematuhi mana-mana keperluan agensi penguatkuasaan undang-undang, perintah mahkamah atau proses undang-undang.

4. KESELAMATAN DATA PERIBADI ANDA

- 4.1 Institut Seni Lukis Malaysia melindungi Data Peribadi anda dengan memastikan langkah-langkah keselamatan yang mencukupi disediakan dan akan memastikan bahawa Data Peribadi anda disimpan dan dikendalikan dalam cara tertentu bagi mengelakkan sebarang pendedahan tanpa kebenaran.
- 4.2 Institut Seni Lukis Malaysia akan mengambil semua tindakan yang munasabah untuk mengelak sebarang penggunaan, akses atau pendedahan maklumat tanpa kebenaran dan untuk melindungi kerahsiaan Data Peribadi anda, berkenaan dengan tujuan Data Peribadi yang didedahkan kepada kami, atau yang dikumpul oleh kami.
- 4.3 Institut Seni Lukis Malaysia akan melindungi Data Peribadi anda daripada sebarang akses, penggunaan atau pendedahan yang tidak dibenarkan. Institut Seni Lukis Malaysia menjamin data peribadi yang anda berikan pada pelayan komputer (*computer server*) adalah terkawal, selamat dan dilindungi daripada akses, penggunaan atau pendedahan yang tidak dibenarkan.
- 4.4 Semua Data Peribadi hanya digunakan untuk Tujuan-tujuan yang disebut di atas dan hanya boleh diakses oleh individu yang dibenarkan.
- 4.5 Penghantaran maklumat melalui internet adalah tidak selamat sepenuhnya. Walaupun kami akan melakukan yang terbaik untuk melindungi Data anda, kami tidak dapat menjamin keselamatan Data anda yang telah dihantar ke Laman Web kami. Sebarang penghantaran Data adalah atas risiko anda sendiri. Apabila kami menerima Data anda, kami menggunakan langkah-langkah keselamatan yang sewajarnya dalam usaha menghalang akses yang tidak dibenarkan.

5. KESAN KETIADAAN BEKALAN DATA PERIBADI

- 5.1 Sila maklum bahawa kegagalan untuk membekalkan Data Peribadi yang mencukupi [dibaca bersama dengan perenggan 2.3 di atas] akan/mungkin mengakibatkan Institut Seni Lukis Malaysia:-
 - tidak dapat membina, menerima atau mengekalkan anda sebagai Pelawat, Pelanggan, Rakan Kongsi dan / atau lain-lain perhubungan dengan anda, memandangkan ia mungkin menjejaskan operasi dan/atau tanggungjawab kami.
 - tidak dapat memproses dan/atau mendedahkan data peribadi anda berhubung dengan Tujuan-tujuan tersebut.

6. PEMINDAHAN DAN PERKONGSIAN DATA

Kami mungkin akan memindahkan data peribadi anda kepada Syarikat Gabungan yang lain dan / atau Rakan Kongsi di dalam atau di luar Malaysia sekiranya perlu atau bersesuaian dengan tujuan penyimpanan atau pemprosesan data atau dalam menyediakan perkhidmatan atau produk kepada anda bagi pihak kami di bawah syarat-syarat kerahsiaan dan tahap keselamatan perlindungan yang sama.

7. AKSES ATAU KEMAS KINI DATA PERIBADI ANDA

- 7.1 Di bawah PDPA, anda mempunyai hak untuk mengakses Data Peribadi anda yang dipegang oleh kami dan memohon untuk mengemaskini Data Peribadi anda yang tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak dikemaskini.

	MIA'S PDP NOTICES – VISITORS, VENDORS AND BUSINESS PARTNERS	POLICY NO.	MIA - PDP - P03
		REV.	0
		REV. DATE	15 JAN 2019
		PAGE	12 of 13

7.2 Sebarang permohonan akses atau untuk tujuan mengemaskini maklumat peribadi adalah tertakluk kepada peruntukan yang berkenaan dalam PDPA. Institut Seni Lukis Malaysia berhak untuk menolak permohonan yang menjejaskan keselamatan dan privasi maklumat peribadi pihak ketiga serta permohonan yang tidak praktikal atau tidak dibuat dengan telus dan tepat.

8. HUBUNGI KAMI UNTUK DATA PERIBADI ANDA

8.1 Sekiranya anda mempunyai apa-apa persoalan berhubung dengan Notis PDP ini atau sekiranya anda ingin mengakses Data Peribadi anda atau sekiranya anda ingin mengemaskini Data Peribadi anda atau sekiranya anda ingin menarik balik kebenaran yang anda berikan kepada syarikat untuk memproses Data Peribadi anda untuk Tujuan-tujuan yang dinyatakan seperti di atas, anda boleh menghantar permohonan secara bertulis ke alamat yang berikut:

Pegawai Data Peribadi
Institut Seni Lukis Malaysia
294-299, Jalan Bandar 11,
Taman Melawati,
53100 Kuala Lumpur,
Malaysia

Tel : +603-41088100 Ext 11
Alamat Emel : pdpa@mia.edu.my

Kami akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memenuhi permintaan anda dalam tempoh 21 hari penerimaan permohonan bertulis anda beserta yuran pemrosesan yang berkenaan.

Sila maklum bahawa dalam keadaan tertentu, kami mungkin terpaksa menahan akses kepada data peribadi anda, sebagai contoh di mana kami tidak dapat mengesahkan identiti anda atau di mana maklumat yang diminta adalah bersifat komersial yang sulit atau sekiranya kami menerima permohonan berulang untuk maklumat yang sama. Namun begitu, kami akan memaklumkan kepada anda sebab-sebab kami tidak dapat memenuhi permintaan anda.

9. PERUBAHAN KEPADA DASAR PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

9.1 Kami berhak untuk meminda Notis PDP ini dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis terdahulu untuk mencerminkan perubahan dalam undang-undang, perubahan dalam amalan perniagaan kami, prosedur dan struktur, dan perubahan jangkaan privasi orang awam. Kami akan memberitahu anda tentang apa-apa pindaan tersebut menerusi laman web kami. Sekiranya kami perlu memproses Data Peribadi anda untuk tujuan selain yang dibenarkan seperti di atas, kami akan mendapatkan persetujuan anda.

	MIA'S PDP NOTICES – VISITORS, VENDORS AND BUSINESS PARTNERS	POLICY NO.	MIA - PDP - P03
		REV.	0
		REV. DATE	15 JAN 2019
		PAGE	13 of 13

10. PENYIMPANAN DATA

10.1 Institut Seni Lukis Malaysia menjamin bahawa Data Peribadi yang dikumpul hanya akan disimpan selama mana maklumat itu diperlukan untuk tujuan ia dikumpulkan. Data peribadi anda akan dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal setelah Tujuan tersebut dipenuhi atau sehingga Data Subjek meminta agar maklumat tersebut dihapuskan, melainkan jika pengekalannya lanjut diperlukan untuk selaras dengan keperluan operasi, perundangan, kawal selia, cukai atau perakaunan Institut Seni Lukis Malaysia.

Yang benar,

Ketua Pegawai Eksekutif

Nota : Jika terdapat apa-apa percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia didalam Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Sekiranya kami tidak menerima sebarang maklum balas daripada anda dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh Notis ini, kami akan menganggap bahawa anda telah meluluskan penggunaan berterusan data peribadi anda selaras dengan Notis ini. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa anda akan dapat menamatkan kelulusan ini pada bila-bila masa.